# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# SELASA 17 DISEMBER 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2. | MOA LAKSANA PELBAGAI INISIATIF MAJUKAN SEKTOR PERTANIAN SEPANJANG TAHUN 2019, NEWS, BERNAMA -8<br>MOA UNDERTAKES VARIOUS INITIATIVES TO DEVELOP AGRICULTURE SECTOR IN 2019, NEWS, EDGE MARKETS -10 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 3. | 320 PELAJAR TERIMA BANTUAN NAFAS, NASIONAL, SH -10 | PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS) |
| 4.<br>5. | TANAM STRAWBERI GUNA BAJA, RACUN SENDIRI, WARNA-WARNI KEHIDUPAN, SH -20<br>220 NELAYAN BOT KECIL TERJEJAS, SINAR NEGERI TERENGGANU, SH -37 | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MOA Laksana Pelbagai Inisiatif Majukan Sektor Pertanian Sepanjang Tahun 2019 | | |
| MediaTitle | Bernama Radio (www.bernamaradio.com.my) | | |
| Date | 17 Dec 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 5 |
| Order Rank | 8 | Readership | 1 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,250 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,750 |

# MOA Laksana Pelbagai Inisiatif Majukan Sektor Pertanian Sepanjang Tahun 2019

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) hari ini membentangkan 'kad laporan'pencapaian dan inisiatif yang dilaksanakan dalam memajukan sektor pertanian negara sepanjang tahun 2019.
Kad laporan setebal 19 muka ...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MOA undertakes various initiatives to develop agriculture sector in 2019 | | |
| MediaTitle | Edge Markets (www.theedgemarkets.com) | | |
| Date | 17 Dec 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 4 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 600 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,800 |

# MOA undertakes various initiatives to develop agriculture sector in 2019

KUALA LUMPUR (Dec 16): The Ministry of Agriculture and Agro-based Industry (MOA) today released to the media, its report card for the year 2019, detailing its achievements and initiatives taken to develop the agriculture sector.
The 19-page report card f...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/12/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 10 |

# 320 pelajar terima bantuan Nafas



Amiruddin (kanan) menyerahkan baucar bernilai RM150 kepada penerima bantuan program *Back to School* anjuran Nafas di Dewan Masjid Sungai Baru Gunung, Alor Setar semalam.

**ALOR SETAR** - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) memberikan sinar baharu kepada seramai 320 pelajar yang akan memasuki sesi persekolahan 2020 menerusi program *Back to School* di sini semalam.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ir Amiruddin Hamzah berkata, penerima bantuan ialah pelajar dari kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit dan mereka menerima baucar bernilai RM150 setiap seorang.

"Kita berharap sumbangan oleh Nafas ini dapat membantu ibu bapa, sekali gus meringankan beban mereka dalam menyediakan kelengkapan anak-anak untuk kembali ke sekolah," katanya kepada *Sinar Harian* di Dewan Masjid Sungai Baru Gunung di sini.

Hadir sama, Pengurus Besar Nafas, Ahmad Shaari.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/12/2019 | SINAR HARIAN | WARNA-WARNI KEHIDUPAN | 20 |

# Tanam strawberi guna baja, racun sendiri

PENDANG - Seorang peniaga daging dari Kampung Paya Kelubi di sini mengusahakan anak pokok strawberi sebagai punca pendapatannya setelah berjaya memformulasikan baja dan racun organik yang membantu pertumbuhan tanaman itu dalam keadaan cuaca panas.



Zulkefli memeriksa tiub air agar tidak tersumbat bagi memastikan anak pokok strawberi yang ditanam di sekitar rumahnya tumbuh subur dan segar di Kampung Paya Kelubi semalam.

Zulkefli Zakaria, 54, berkata, formulasinya yang menggunakan bahan asas seperti bawang putih terbukti dapat mengawal serangga perosak serta memberi daya tahan penyakit kepada daun dan pokok strawberi yang ditanam di sekitar halaman rumahnya.

"Saya banyak menghasilkan anak pokok untuk jualan dan setakat ini hampir 1,000 pokok berjaya ditanam dalam polibeg dan saya akan meningkatkan jumlah tanaman anak pokok strawberi yang dapat banyak permintaan," katanya.

Menurut Zulkefli, kaedah tanaman strawberi di tanah rendah masih baharu dan ia membuka lebih peluang kepada anak muda untuk menceburi bidang yang sangat menguntungkan itu.

"Penjagaannya tidak rumit, hanya perlu pastikan kelembapan tanahnya mencukupi dan disiram sehari sekali dan diletakkan baja organik sekali seminggu serta semburkan racun organik pada daun dan batang jika diserang kutu trip (serangga perosak).

"Tanaman ini juga mampu bertahan sehingga tiga tahun dan mengambil masa antara 50 sehingga 70 hari untuk berbuah," katanya yang bersedia berkongsi ilmu tanaman strawberi dengan orang ramai.

Selain itu, Zulkefli berkata, beliau sentiasa membuat kajian sendiri serta mengikuti kursus tanaman bagi mendalami bidang tanaman strawberi. - *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/12/2019 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI TERENGGANU | 37 |

# 220 nelayan bot kecil terjejas

*Kawasan pendaratan ikan musnah dibadai ombak kuat*

NORHASPIDA YATIM

KEMAMAN

FOTO: ABD GHANI ISMAIL



Keadaan hakisan yang berlaku empat hari lalu.



Hanafiah (dua dari kiri) meninjau keadaan hakisan yang berlaku di Pantai Kuala Kemasik semalam.

Seramai 220 nelayan bot kecil di Pantai Kuala Kemasik di sini terjejas apabila kawasan pendaratan ikan musnah akibat dibadai ombak besar sejak minggu lalu.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kemasik (PNK), Abd Ghani Ismail berkata, ombak kuat menyebabkan perubahan kawasan sejauh 20 meter dari arah pantai dengan jarak sepanjang 200 meter.

"Biasanya lokasi ini menjadi tumpuan nelayan pantai untuk ke laut dan menjual hasil tangkapan.

"Malangnya, ombak kuat yang melanda musim tengkujuh ini menyebabkan kerosakan agak besar yang tidak pernah berlaku di kawasan ini seterusnya menjejaskan kemudahan yang ada," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* hari ini.

Menurutnya, hakisan yang berlaku menyebabkan kerosakan di tujuh premis termasuk rumah, bangsal jualan ikan, surau dan kedai makan.

"Perubahan kawasan di sini akibat masalah hakisan begitu ketara sejak musim tengkujuh. Ada antara penduduk di sini telah meninggalkan kawasan ini sejak awal lagi bagi mengelak kejadian tidak diingini," katanya.

Sementara itu, Exco Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga dan Perpaduan Nasional, Hanafiah Mat berkata, masalah hakisan di Pantai Kuala Kemasik mendapat perhatian kerajaan dengan peruntukan kira-kira RM600,000 di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi membaiki segera kerosakan di kawasan itu.

Katanya, kerja-kerja membina benteng di kawasan itu telah dijalankan sejak dua hari lalu dan dijangka selesai dalam tempoh enam hari.

"Pada asalnya, kerja-kerja pembinaan benteng pemecah ombak dilakukan di kawasan 200 meter ke arah pantai namun kerosakan yang ketara berlaku sejak 10 Disember lalu menyebabkan kerja-kerja itu dihentikan sementara.

"Usaha kini tertumpu kepada pembaikan kawasan yang rosak teruk akibat hakisan di sepanjang pantai ini," katanya ketika ditemui selepas melakukan lawatan ke lokasi itu semalam.

Beliau berkata, sebaik kerja-kerja pembinaan benteng pemecah ombak dilakukan, keadaan di kawasan itu akan lebih selamat.

"Kita jangka kerja-kerja pembinaan benteng di kawasan itu akan berjalan semula pada Februari depan dan akan selesai pada Jun tahun depan.